

Inovasi Jimat Minyak

Utusan Malaysia

20 November 2017 | Isnin

UTUSAN MALAYSIA

Mega

SAINS

INOVASI JIMAT MINYAK



MENERUSI program Inovasi Sosial, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atau MSI, pendekatan membantu rakyat terus diperkasa dan terbaharu Komuniti Keluarga Nelayan Tanjung Kling di Tangga Batu, Melaka menerima faedahnya baru ini.

Menerusi program MSI itu, mereka menerima sumbangan 10 unit bot nelayan pintar berkuasa 40 kuasa kuda yang dilengkapi dengan teknologi terbaharu, penjana gas Syn-Hybrid yang bernilai kira-kira RM300,000 kesemuanya dari Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd (TPM).

Inovasi tersebut dibangunkan oleh syarikat tempatan yang juga inkubasi kepada TPM, iaitu Amiran Technology Sdn. Bhd. Pemasangan dan uji kaji sistem ini juga melibatkan kerjasama antara anak syarikat TPM, TPM Engineering Sdn. Bhd.

Sebanyak 10 unit bot tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Menteri MOSTI, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** kepada Pengerusi Komuniti Keluarga Nelayan Tanjung Kling, Khairul Azni yang disaksikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, **Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin**.

Menurut Mohd. Azman, pemasangan sistem penjana

DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (dua dari kiri), bersama Mohd. Azman Shahidin (kiri) pada program penyerahan bot berteknologi hibrid kepada nelayan di Jeti Kampung Halim Tangga Batu, Melaka, baru-baru ini.



gas Syn-Hybrid akan menawarkan alternatif penjana tenaga yang lebih lestari berbanding dengan bahan api fosil. Beliau berkata, bot nelayan komersial yang dilengkapi dengan teknologi hijau inovatif itu juga membolehkan nelayan menikmati kelebihan ekonomi dengan memperoleh kelebihan daya saing, penjimatan kos bahan api, serta produktiviti yang lebih tinggi.

"Berdasarkan ujian yang dijalankan oleh Amiran Technology, nelayan bakal menikmati penjimatan kos

PENGGUNAAN bot berteknologi enjin hibrid diharapkan dapat mengurangkan beban kos nelayan.

meningkatkan jarak perjalanan bot.

Produk hibrid tersebut menggunakan air yang ditapis atau disuling melalui proses elektrolisis nano untuk pemecahan molekul air menjadi gas oksigen dan hidrogen.

Gas hibrid yang dijanakan ditapis serta dimagnetkan bagi memberi tenaga simpan yang padu untuk disalurkan menerusi saluran injap masuk udara ke kebek enjin.

Setiap saluran gas dipasangkan injap sehalu bagi tujuan keselamatan serta *pulse width modulator* bagi menjamin arus tenaga keperluan proses nanoelektrolisis tidak melampaui had yang ditetapkan.

Sistem pam kitaran air dipasang bagi kesempurnaan kitaran air di dalam proses nanoelektrolisis untuk menghindari pemanasan terlampau.

Sementara itu, menurut Dr. Abu Bakar, projek MSI itu sebahagian daripada cadangan inovasi yang boleh meningkatkan taraf kehidupan komuniti nelayan dengan penggunaan enjin bot inovas baharu itu.

Berdasarkan ujian oleh Amiran Technology, nelayan bakal menikmati penjimatan kos antara 20 dan 30 peratus sehari, atau kira-kira RM250 hingga RM500 sebulan.

dalam kebek enjin bot dapat meningkatkan perubakaran maksimum bahan api petrol atau diesel, sekali gus meningkatkan kemampuan tenaga *tork* serta

46300